

**KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
PENGAJARAN IBADAT SOLAT BAGI MURID
BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH
PEMBELAJARAN DI NEGERI
SELANGOR**

ZAINI BINTI MT ISA

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**

**KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN IBADAT
SOLAT BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH
PEMBELAJARAN DI NEGERI
SELANGOR**

ZAINI BINTI MT ISA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07 Mac 2023

Perakuan Pelajar:

Saya, ZAINI BINTI MT ISA, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN IBADAT SOLAT BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN DI NEGERI SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. MIFTACHUL HUDA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN IBADAT SOLAT BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN DI NEGERI SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM).

25/03/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
PENGAJARAN IBADAT SOLAT BAGI MURID
BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN DI
NEGERI SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20191000626

Saya / I: ZAINI BINTI MT ISA
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sains Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

DR. MIFTACHUL HUDA
PENSYARAH
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 25/3/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT Tuhan Semesta Alam. Selawat serta salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para tabi'in. Jua doa yang tulus buat seluruh mujahidin, pejuang agama Allah SWT serta seluruh muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat walau di mana jua ia berada. Juga dipanjatkan kesyukuran dengan izinNYA hingga ke saat ini saya terus diberikan, ruang, peluang dan kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini bagi menyempurnakan syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan, Pendidikan Islam. Dalam usaha melaksanakan kajian ini, pelbagai sumbangan dan bantuan yang diberikan seperti bimbingan, nasihat, pandangan, tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan moral daripada pelbagai pihak. Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Miftachul Huda yang telah memberi bimbingan, dorongan, motivasi dan sebagainya sepanjang dalam proses untuk menyiapkan disertasi ini. Buat suami tersayang Shahimi Bin Salleh yang amat memahami dan telah banyak berkorban masa, tenaga dan sebagainya, anak-anak tersayang Muhammad Hafizullah, Muhammad Hanif, Nur Hanisah Safrina dan adik Muhammad Harith Asnawi yang telah banyak memberi sokongan moral dan mental kepada umi dalam menyiapkan disertasi ini. Doa umi semoga kalian menjadi anak yang soleh dan solehah. Amin Ya Rabbal alamin. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan dari fakulti-fakulti UPSI, rakan-rakan PPKI Sk. Hicom dan seluruh warga PPKI Selangor, staf-staf UPSI terutamanya staf FSK dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Ucapan istimewa kepada bonda tercinta Romlah Binti Yaakob dan Allahyarham ayahanda tercinta Mt Isa bin Abdullah Ahmad, adik-beradik serta saudara mara atas doa, dorongan dan inspirasi yang tidak terhingga dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan rumah sewa terima kasih kerana sentiasa sudi berkongsi suka dan duka serta sentiasa bersedia dalam memberi bantuan ketika diperlukan. Buat akhirnya kepada seluruh yang terlibat dalam menjayakan disertasi ini samada secara langsung atau tidak semoga Allah SWT membalas segala jasa kalian dan merahmati ukhuwwah yang telah kita bina selama ini. Moga Allah SWT memberikan ganjaran sewajarnya atas kebaikan anda semua serta memberkati kita sepanjang masa. Aminnn.... Sekian.



ABSTRAK

Sebagai umat Islam mengerjakan ibadah merupakan bentuk ketaatan kepada Allah SWT terutama ibadah wajib seperti solat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di negeri Selangor. Dalam kajian ini pengkaji memberi penekanan kepada tiga aspek kesediaan pengajaran iaitu pengetahuan, kemahiran dan penilaian. Seramai 90 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran di negeri Selangor dipilih sebagai peserta kajian ini. Bagi memperolehi data, pengkaji menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dilakukan pengesahan pakar. Hasil dapatan kajian pengkaji mendapati tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran ibadat solat adalah tinggi iaitu min = 4.01. Secara keseluruhannya mendapati guru Pendidikan Islam menunjukkan kesungguhan memberi kefahaman dan membimbing murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dalam pelaksanaan ibadat solat. Sekaligus membuktikan guru Pendidikan Islam mempunyai kesediaan pengajaran yang tersusun dan terarah. Kerjasama yang baik dari pelbagai pihak seperti Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pendidikan Khas, Guru Pendidikan Islam dan juga ibubapa dapat memantapkan lagi keberkesanan ibadat solat. Kesimpulan menunjukkan guru Pendidikan Islam mempunyai tahap kesediaan pengajaran yang baik diperingkat pengetahuan, kemahiran dan penilaian. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan kepada guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan prestasi pengajaran kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran khususnya ibadat solat.

READINESS OF THE ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN TEACHING PRAYER TO THE SPECIAL NEEDS STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES IN THE SELANGOR STATE

ABSTRACT

As Muslims, worshipping is a form of obedience to Allah SWT, especially obligatory worship such as prayer. This study is aimed to identify the level of readiness among the Islamic Education teachers in teaching the prayer worship to students with special needs and learning difficulties in the state of Selangor. In this study, the researcher emphasized three aspects of teaching readiness, namely knowledge, skills and assessment. A total of 90 Islamic Education teachers who teach in the Integrated Special Education Program for Learning Disabilities in the state of Selangor were selected as participants in this study. In order to obtain data, the researcher used a quantitative method approach by using the questionnaire instruments. The validity and reliability of the instrument was verified by experts. The results of the researcher's study found that the level of the readiness among Islamic Education teachers in teaching prayer worship is high, which is means = 4.01. Overall, it was found that the Islamic Education teacher showed seriousness in giving understanding and guiding the students with special needs and learning difficulties in the implementation of prayer. At the same time proud that the Islamic Education teachers have the readiness of organized and directed teaching. Good cooperation from various parties such as the Islamic Education Division, Special Education Division, Islamic Education Teachers and also parents can strengthen the effectiveness of prayer. The conclusion shows that the Islamic Education Teachers have a good level of readiness in teaching in terms of knowledge, skills and evaluation. This study is also expected to be used as a guide for the Islamic Education teachers to improve their teaching performance for the special needs students with learning difficulties, especially the prayer.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN iii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iv

PENGHARGAAN v

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Pernyataan Masalah 7

1.4 Objektif Kajian 11

1.5 Persoalan Kajian 12

1.6 Hipotesis Kajian 13

1.7	Kerangka Teoritikal Kajian	14
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.9	Batasan Kajian	20
1.10	Kepentingan Kajian	20
1.11	Definisi Operasional	23
1.11.1	Kesediaan Pengajaran	23
1.11.2	Guru Pendidikan Islam	23
1.11.3	Ibadat Solat	24
1.11.4	Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran	25
1.12	Penutup	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	27
2.2	Pendidikan Islam	27
2.3	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	34
2.4	Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran	37
2.5	Model Amalan Pengajaran Berdasarkan Al-Qabisi dan Cooper	38
2.5.1	Tahap Pengetahuan Pengajaran	39
2.5.2	Tahap Kemahiran Pengajaran	40
2.5.3	Tahap Penilaian Pengajaran	45
2.6	Kajian Lepas	48
2.7	Penutup	55

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	58
3.4	Lokasi Kajian	60
3.5	Instrumen Kajian	61
3.5.1	Soal Selidik Guru	62
3.6	Kesahan Instrumen	63
3.7	Kajian Rintis	64
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	66
3.9	Prosedur Menjalankan Kajian	67
3.10	Pengumpulan Data dan Analisis Data	68
3.11	Analisis Deskriptif	69
3.12	Analisis Inferensi	70
3.13	Penutup	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	72
4.2	Profil Responden	73
4.2.1	Jantina	73
4.2.2	Umur	74
4.2.3	Kelulusan Akademik Tertinggi	75
4.2.4	Kelulusan Ikhtisas	75

4.2.5	Jenis Sekolah	76
4.2.6	Pengalaman Mengajar	77
4.2.7	Latihan dan Kursus	77
4.3	Analisis Deskriptif	78
4.3.1	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Pengajaran.	78
4.3.2	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Pengajaran.	82
4.3.3	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Pengajaran	86
4.3.4	Rumusan Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran	90
4.4	Analisis Inferensi	91
4.4.1	Analisis perbezaan	92
4.4.1.1	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Jantina	92
4.4.1.2	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Umur	94
4.4.1.3	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	96
4.4.1.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Tahap Pendidikan	99
4.4.1.5	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	101
4.5	Penutup	104

BAB 5 PERBINCANGAN RUMUSAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	105
5.2	Ringkasan Kajian	106
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	108
5.3.1	Tahap Pengetahuan GPI Dalam Pengajaran Ibadat Solat MBK Bermasalah Pembelajaran.	108
5.3.2	Tahap Kemahiran GPI Dalam Pengajaran Ibadat Solat MBK Bermasalah Pembelajaran	113
5.3.3	Tahap Penilaian GPI Dalam Pengajaran Ibadat Solat MBK Bermasalah Pembelajaran	116
5.4	Analisis Inferensi	118
5.4.1	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Ibadat Solat GPI Berdasarkan Jantina.	118
5.4.2	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Ibadat Solat GPI Berdasarkan Umur.	119
5.4.3	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Ibadat Solat GPI Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi.	120
5.4.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Ibadat Solat GPI Berdasarkan Tahap Pendidikan.	120
5.4.5	Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran Ibadat Solat GPI Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	121
5.5	Rumusan Keseluruhan Kajian	122
5.6	Saranan	125
5.6.1	Cadangan Kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pelajaran Malaysia	125

5.6.2	Cadangan Sektor Pendidikan Islam dan Moral (SPIM), JPN dan PPD	126
5.6.3	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Sekolah	126
5.6.4	Cadangan Kepada Guru Pendidikan Islam	127
5.6.5	Cadangan Kepada Ibu Bapa	127
5.6.6	Cadangan Kepada Pelajar-Pelajar Islam	128
5.6.7	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	129
5.7	Kesimpulan	129
	RUJUKAN	131
	LAMPIRAN	138

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Taburan Sampel Kajian GPI Yang Mengajar di PPKIBP	59
3.2	Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan, 1970	60
3.3	Skala Likert Guru Pendidikan Islam Bagi Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian	62
3.4	Item Demografi GPI	63
3.5	Item Tahap Kesediaan Pengajaran GPI	63
3.6	Senarai Pakar	64
3.7	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	66
3.8	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	67
3.9	Interprestasi Skor Min	70
3.10	Kaedah Analisis Statistik Inferensi	71
4.1	Profil Guru Mengikut Jantina	73
4.2	Profil Guru Mengikut Umur	74
4.3	Profil Guru Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi.	75
4.4	Profil Guru Mengikut Kelulusan Ikhtisas	75

4.5	Profil GPI Mengikut Jenis Sekolah	76
4.6	Profil GPI Mengikut Pengalaman Mengajar	77
4.7	Profil GPI Mengikut Latihan dan Kursus Berkaitan Pendidikan Khas	77
4.8	Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Pengajaran.	79
4.9	Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Pengajaran.	82
4.10	Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Pengajaran	86
4.11	Tahap Kesediaan GPI Berdasarkan Pengetahuan, Kemahiran dan Penilaian Pengajaran	91
4.12	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Berdasarkan Jantina	92
4.13	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Berdasarkan Jantina	93
4.14	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Berdasarkan Jantina	93
4.15	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Berdasarkan Umur	94
4.16	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Berdasarkan Umur	95
4.17	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Berdasarkan Umur	96
4.18	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Berdasarkan Akademik Tertinggi	97
4.19	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Berdasarkan Akademik Tertinggi	97
4.20	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Berdasarkan Akademik Tertinggi	98

4.21	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Berdasarkan Tahap Pendidikan	99
4.22	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Berdasarkan Tahap Pendidikan	100
4.23	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Berdasarkan Tahap Pendidikan	101
4.24	Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	102
4.25	Kesediaan GPI Dari Aspek Kemahiran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	102
4.26	Kesediaan GPI Dari Aspek Penilaian Berdasarkan Pengalaman Mengajar	103

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Toeri Kajian Amalan Pengajaran Guru Berdasarkan Model Pengajaran Cooper (2006) dan Model al-Qabisi (1995)	18
1.2 Kerangka Konseptual kajian Amalan Pengajaran Ibadat Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	19



SENARAI SINGKATAN

3M	Menulis Mengira Membaca
ADD	<i>Attention Deficit Disorder</i>
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Khas
FPN	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
j-QAF	Jawi al-Quran Arab Fardhu Ain
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
MBKBP	Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran
OKU	Orang Kelainan Upaya



PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PDPC	Pengajaran Pembelajaran Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

A Instrumen Kajian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Solat merupakan rukun Islam yang kedua dan ibadah khusus yang wajib dilakukan oleh setiap muslim yang mukallaf. Menurut Azman (2019), solat hendaklah dilakukan mengikut rukun dan syarat yang ditetapkan. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Rasulullah SAW bersabda: solat hanya digugurkan atau terbatal kerana tiga perkara iaitu tidur, gila dan kanak-kanak. Oleh itu orang kelainan upaya (OKU) juga tidak terkecuali daripada melaksanakan kewajipan ini bergantung kepada kemampuan akal (Arnie 2016). Solat memberi kesan positif kepada kehidupan setiap orang. Sesiapa yang menunaikan solat dengan sempurna, maka dia termasuk orang yang beriman dan beramal soleh. Solat dapat menghalang manusia daripada melakukan perkara yang tidak disukai oleh Allah SWT (Nor Dalilah dan Raihanah, 2012). Kewajipan solat tersebut boleh didapati melalui dalil daripada al-Quran dan al-Hadith. Perintah untuk menunai dan menjaga solat sangat-sangat dititik beratkan sebagaimana firman Allah SWT:



ان الصلوة كانت على المؤمنين كتباً موقوتاً

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Al-Nisa' 4:103

Menunaikan solat dapat menguatkan hubungan mukallaf sebagai hamba Allah SWT dengan Pencipta dan menjadi bukti pergantungan, pengharapan dan penyerahan diri kepada tuannya. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ

Maksudnya: Dan berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang menunaikan solat dengan khusyuk.



(Al-Mu'minum:2)

Melalui penjagaan solat yang syumul pasti akan memberikan kesan-kesan positif dalam pelbagai aspek kehidupan manusia antaranya aspek kejiwaan kerana solat memberikan ketenangan jiwa. Dari segi aspek kesihatan pula, solat mendidik seseorang supaya menjaga kesihatan dan sentiasa cergas serta aktif. Jika dilihat dari aspek akhlak pula solat dapat menyedarkan seseorang terhadap kesalahan dan menghapuskan dosa selain mendidik seseorang itu mendisiplinkan waktunya (Abd. Rasyid Hj.Ahmad, 1995). Firman Allah SWT:



رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي , رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاء

Maksudnya: "Ya Tuhanku! Jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat" Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

(Ibrahim 14:40)

Berdasarkan ayat di atas dapat disimpulkan bahawa mendidik anak-anak supaya taat kepada Allah swt adalah dengan melaksanakan perintah-Nya. Sesungguhnya Luqman mendidik anaknya agar menunaikan solat dengan sempurna. Pelaksanaan ibadat solat adalah lambang keperibadian seorang muslim sejati yang dapat menghubungkan antara makhluk dan penciptaNya tanpa sebarang perantaraan (Suhanim Abdullah et al, 2006). Solat yang sempurna dapat mencegah perbuatan maksiat, keji dan mungkar. Mendidik kanak-kanak dalam mendirikan ibadat solat adalah wajib. Kewajipan mendidik kanak-kanak mendirikan solat bermula umur tujuh tahun dan harus memukul anak yang enggan solat apabila telah mencapai umur 10 tahun. Perkara ini disebutkan dalam hadis Nabi SAW:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: Dari Abdullah bin Amr bin Ash RA, beliau berkata, "Rasulullah SAW bersabda, 'Perintahkanlah kepada anak-anakmu shalat, sedang mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka kalau meninggalkannya, sedang mereka berumur sepuluh tahun. Dan pisahlah di antara mereka itu dari tempat tidurnya.'"

(Hasan Shahih)



Rasulullah SAW bersabda bahawa anak-anak perlu solat seawal usia tujuh tahun. Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk membimbing, mengajar, mendidik dan melatih anak-anak mereka solat dengan betul dan sempurna. Rasulullah SAW juga mengajar kita untuk menghukum anak yang meninggalkan solat. Walaubagaimpun hukuman ini adalah berbentuk pengajaran untuk anak-anak agar tidak lupa menunaikan solat. Oleh itu ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak mendapat pendedahan awal tentang solat. Melalui amalan solat lima waktu yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas setiap mukmin, ia menjadi asas kepada lahirnya sifat takwa dalam diri seseorang. Oleh itu dalam usaha melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab, pelaksanaan serta penghayatan solat dalam kehidupan adalah perlu diberi perhatian khusus.



Hadis Rasulullah SAW pula, terdapat beberapa Riwayat yang menceritakan tentang interaksi Rasulullah SAW dengan golongan kurang upaya. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sangat meraikan golongan ini dalam ibadah dengan cara memberitahu kepada mereka berkenaan Rukhsah dalam ibadah khususnya dalam bab Solat. Rasulullah SAW bersabda:

صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

" Maksudnya: Solatlah dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu solatlah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu, solatlah di atas lambunganmu (mengiring).

Jelaslah solat fardhu merupakan tiang agama dan wajib dilaksanakan. Golongan ini boleh menunaikan ibadah ini sekadar mengikut kemampuan mereka. Kewajipan ini tidak gugur terhadap mereka yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak menjadi asbab untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu.





Tambahan lagi, mereka masih dinilai sebagai seorang mukallaf. Di dalam Islam, terdapat langkah ataupun kaedah yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW untuk menunaikan solat bagi mereka yang tidak mampu atau terdapat keuzuran dan kecacatan. Apabila seseorang tidak dapat duduk dengan sempurna, baik iftirasy (duduk di awal tahiyat) dan Tawarru' (duduk di penghujung tahiyat), dia boleh duduk selagi mampu, bahkan dia tidak memaksa dirinya untuk melakukannya. membuat pergerakan yang menyebabkan kesakitan. Beberapa hujah di atas boleh dijadikan asas supaya OKU mengambil kemudahan dalam beribadat dengan melakukan pergerakan mengikut kemampuan mereka.

Maka di sini GPI perlu memainkan peranan penting bagi memastikan MBK bermasalah Pembelajaran dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran ibadat solat di sekolah dengan sebaik mungkin. Seterusnya ibu bapa dapat meneruskan ajarannya di rumah. Melalui amalan solat lima waktu, MBK bermasalah pembelajaran dapat meningkatkan potensi diri dalam beramal serta menghayatinya dengan sebaik mungkin. Seterusnya mereka dapat melaksanakan ibadat solat dengan betul, sempurna serta dapat menjauhkan diri dari segala perbuatan mungkar, berakhlak mulia serta bertanggungjawab pada diri sendiri, agama, bangsa dan juga negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan Malaysia menetapkan sekiranya terdapat lima atau lebih pelajar Islam, pendidikan agama Islam hendaklah diberikan oleh guru yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri, Akta Pelajaran (1961). Bagi memantapkan pendidikan khas





dalam pendidikan Islam, Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013) menetapkan MBK yang menyertai Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepasan menengah perlu mengikuti Program Pendidikan Khas j-QAF yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2008). Murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran akan mengikuti kurikulum pendidikan Islam kebangsaan yang serupa dengan pelaksanaannya di arus perdana. Mata pelajaran pendidikan Islam mempunyai empat bidang utama iaitu Tilawah al-Quran, Asas Ulum Syariyyah, Asas Adab, Asas Akhlak Islamiah, Sirah al-Nabawiyyah dan Jawi. Terdapat bacaan dan hafazan di bahagian Tilawah al-Quran.

Manakala dalam Ulum Syariyyah komponen asasnyalah akidah, ibadah dan sirah al-Nabawiyyah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2002). Pendidikan Islam berperanan membentuk individu yang berkekeluargaan dan bermoral tinggi termasuk murid berkeperluan khas. Seperti yang dinyatakan oleh Ni Wayan (2012), Mohamad Iksan (2013) dan Asmawati Suhid et al (2014), pendidikan bertujuan untuk melahirkan insan yang berketrampilan dan berkualiti tinggi. Visi dan misi pendidikan negara dapat dicapai apabila setiap guru mempunyai pemahaman yang terperinci tentang peranan dan tanggungjawab tugas untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan (Noor Akmar 2006).

Dalam hal ini kesediaan guru pendidikan Islam yang mengajar MBK Bermasalah Pembelajaran perlulah mempunyai kepelbagaian pendekatan pengajaran. Justeru pengetahuan, kemahiran dan penilaian seorang GPI memainkan peranan penting dalam pengajaran ibadah solat MBK Bermasalah Pembelajaran. Kesediaan pengetahuan, kemahiran dan penilaian pengajaran yang kompeten dan positif





membantu GPI dalam pengajaran ibadat solat dengan lebih optimum. GPI perlu mempunyai jati diri yang kukuh untuk menghadapi setiap usaha MBK Bermasalah Pembelajaran, agar setiap cabaran dapat ditempuhi dengan sebaik mungkin. Dengan ini GPI dapat membentuk personaliti serta menjadikan lebih progresif, holistik, dinamik dan berdaya saing.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesediaan pengajaran merupakan perkara penting dalam proses pengajaran ibadat solat. Dalam laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), didapati standard pengajaran GPI masih lemah. Kementerian Pendidikan Malaysia (2005), mendapati GPI masih mengamalkan pendekatan sehala dan tidak mengambil kira sama ada pelajar faham atau sebaliknya.

Dalam kajian oleh Fauziah Hanim Jalal et al. (2012) pelajar MBK bermasalah Pembelajaran tidak mengamalkan solat dalam kehidupan seharian kerana mereka tidak menguasai bacaan asas solat dan tidak memahami tulisan Arab. Ini merupakan faktor utama kenapa mereka lemah dalam bacaan solat dan memahami tulisan Arab. Maka di sini mereka perlu dibimbing dan dididik agar berkebolehan dalam semua aspek iaitu qauli (bacaan), fi'li (perbuatan) dan qalbi (hati). Maka GPI perlu memainkan peranan penting untuk membimbing, mendidik serta mengajar cara untuk menguasai asas solat dengan mudah, senang dan betul supaya MBK bermasalah pembelajaran dapat melaksanakan mengikut kemampuan mereka sendiri.





Najib Ghafar (2014) pula menyatakan semasa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran ini diinkluskikan, samada inklusif penuh mahupun separa guru tidak berlaku adil. Ini kerana guru aliran perdana tidak mempunyai pengalaman mengajar MBK bermasalah pembelajaran dan tidak pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan Pendidikan Khas. Amin Mustafa (2017) juga menyatakan seseorang guru yang tidak mempunyai kefahaman tentang tingkahlaku MBK Bermasalah Pembelajaran akan memberi kesan negatif kepada setiap murid. Maka di sini timbul masalah bagi guru aliran perdana untuk memberi tumpuan memandangkan mereka tidak begitu mengenali sikap dan tingkahlaku murid-murid ini.

Arnie Adnan (2016), menyatakan tuntutan solat murid bermasalah pembelajaran adalah, pertama gugur bagi terencat akal teruk, kedua memiliki sebahagian kelayakan melaksana bagi yang berakal tetapi tidak mencapai tahap normal dan ketiga memiliki kelayakan melaksana sempurna bagi yang memiliki akal normal tetapi bermasalah tingkah laku dan kesukaran mengingat. Tatacara solat murid bermasalah pembelajaran menekankan aspek rukhsah dan tahap kemampuan murid. Kajian turut mencadangkan aspek pengajaran bacaan mudah dalam solat. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan tuntutan solat bagi murid bermasalah pembelajaran adalah berdasarkan tahap akal dan kemampuan. Ini menunjukkan GPI perlu mempunyai kesediaan pengajaran dari segi pengetahuan, kemahiran dan penilaian yang baik bagi membantu meningkatkan penguasaan solat MBK Bermasalah Pembelajaran.

Dayang Kamaliah (2020) GPI memerlukan latihan dan dorongan yang berterusan bagi memastikan pelaksanaan pengajaran terhadap murid berkeperluan khas dapat dilakukan secara holistik dan efisien. GPI bukan sahaja mengajar murid untuk menggapai kecemerlangan di dunia tetapi juga demi untuk mencapai kesejahteraan di



akhirat. Justeru setiap GPI perlu mempunyai kesediaan pengajaran supaya pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektifnya.

Nor Izati (2021) dalam kajiannya menegaskan bahawa Kanak-kanak berkeperluan khas juga adalah hamba dan khalifah Allah SWT. Guru Pendidikan Islam memikul tugas dan amanah yang berat dalam mendidik dan membimbing kanak-kanak berkeperluan khas supaya dapat mengenal al-Quran dan melaksanakan ibadat dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu menyiapkan diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan dalam semua bidang, pemikiran rabbani dan sikap yang terpuji bagi meneruskan perkhidmatan yang cemerlang sebagai murabbi.

Fauzi (2015), menyatakan guru mestilah bijak memilih kaedah pengajaran dan cara penyampaian yang sesuai dalam pengajaran kerana MBK bermasalah pembelajaran mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan berbeza-beza. Antara komponen yang dapat membantu guru dalam menarik murid ke arah pengajaran dan pembelajaran berkesan ialah bahan bantu mengajar. Namun begitu, sehingga kini isu berkaitan GPI dalam mengaplikasikan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkesan masih diperkatakan. Ianya berpunca daripada beberapa faktor antaranya kekangan masa, kurangnya ilmu pengetahuan dalam mengendalikan pengajaran abad ke-21 dan pelbagai lagi (Mohd Shaubari Othman, 2016). Kebijaksanaan GPI menggunakan BBM sedikit sebanyak dapat membantu memudahkan sesi pengajaran ibadat solat MBK bermasalah pembelajaran.

Berdasarkan dapatan Naquiah Nahar dan Jimain Safar (2016) menunjukkan kebanyakan guru pendidikan Islam tidak cukup bersedia dan tidak merancang pengajaran dengan baik, sering mengamalkan strategi berpusatkan guru, menggunakan



teknologi dan kaedah pengajaran tidak pelbagai dan membosankan, kurang kreativiti, kritis dan inovasi dalam mengendalikan bahan bantu mengajar berbentuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta kurang kemahiran. Guru yang menggunakan strategi pengajaran yang berkesan akan memudahkan pelajar memahami konsep atau kemahiran, manakala guru yang melakukan sebaliknya akan membawa kepada matlamat pengajaran yang tidak dapat dicapai (Zuraida 2013). Justeru GPI perlu mempunyai kesediaan dalam penggunaan BBM supaya pengajaran ibadat solat dapat dipelajari dengan mudah dan senang.

Peranan guru bukan sahaja mengajar, mereka juga berperanan sebagai mursyid, mualim, muadib, mudarris dan murabbi (Ab. Halim Tamuri, 2015). Pekerjaan guru pendidikan khas lebih mencabar, kerana kedua-duanya mengajar pelajar kurang upaya dan mengalami kepelbagaian masalah dan tingkahlaku. Guru pendidikan khas bukan sahaja mengajar di dalam bilik darjah, tetapi juga berperanan sebagai kaunselor, penjaga, dan fasilitator. Menurut Hajarul Bahti (2016), guru pendidikan khas perlu mempunyai sifat penyabar, penyayang, jujur, bertanggungjawab dan kasih sayang. Sifat ini perlu apabila berhadapan dengan pelajar istimewa yang tidak dapat diramalkan tingkahlaku mereka. Berdepan dengan situasi ini, guru perlu mengawal emosi dan pandai melayan dan mengawal setiap karenah mereka.

Selain itu, guru pendidikan khas perlu menguasai kemahiran interpersonal di samping kemahiran psikologi semasa berkomunikasi dengan murid yang mempunyai masalah pembelajaran yang pelbagai ini. Peranan guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi membimbing dan memupuk jiwa murid agar menjadi insan yang baik. Kesediaan pengajaran ini dapat membantu GPI dalam pengajaran ibadat solat MBK bermasalah pembelajaran dengan lebih cemerlang.



Kajian lepas banyak membincangkan tentang pengajaran guru pendidikan Islam. Justeru kajian yang dijalankan oleh pengkaji berfokuskan kepada kesediaan pengajaran ibadat solat murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang terdiri daripada pelbagai kategori. Oleh itu, inisiatif, kesungguhan serta tanggungjawab GPI amatlah penting agar sesi pengajaran ibadat solat akan lebih bermakna dan memberi impak yang positif serta berterusan. Amatlah diharapkan GPI dapat memahirkan diri dalam kepelbagaian kemahiran yang sesuai dan berkesan supaya dapat menarik minat bermasalah pembelajaran mengikuti apa yang diajar oleh guru tersebut.

Oleh itu, sebagai seorang guru pendidikan Islam seharusnya bersedia untuk memperbaiki diri dan mengubah kaedah pengajarannya mengikut kemajuan teknologi dan keperluan pendidikan semasa. Menjadi tanggungjawab GPI untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran demi melahirkan generasi baharu yang berkualiti dan berdaya saing. Kajian ini memfokuskan kepada tahap kesediaan GPI dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan penilaian kerana GPI merupakan penentu kepada keberkesanan perubahan pendidikan. Sekiranya guru tidak bersedia untuk menghadapi perubahan ini ia akan menjadi beban kepada guru untuk melaksanakannya di sekolah. Oleh itu, kajian dijalankan untuk mengetahui tahap kesediaan pengajaran GPI terhadap pengajaran ibadat solat MBK bermasalah pembelajaran.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengetahui tahap pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.

- 1.4.2 Mengenal pasti tahap kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.
- 1.4.3 Mengenal pasti tahap penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.
- 1.4.4 Mengenal pasti perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan faktor demografi.
- 1.4.5 Mengenal pasti hubungan yang signifikan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran
- 1.5.2 Apakah tahap kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.
- 1.5.3 Apakah tahap sikap guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan demografi.
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan hubungan tahap kesediaan guru pendidikan Islam dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan pengalaman mengajar.



1.6 Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dari segi jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dari segi jantina.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dari segi jantina.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dari segi umur.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran dari segi umur.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan umur.

Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan terhadap guru pendidikan Islam dan pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan akademik.

Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan akademik.



- Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan akademik.
- Ho10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kemahiran guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.

1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengajaran guru pendidikan Islam dalam pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di negeri Selangor. Pengkaji menggunakan model pengajaran



al-Qabisi (1955) dan model pengajaran Cooper (2006) sebagai panduan dalam kajian ini. Kesediaan pengajaran merupakan topik perbincangan yang dibincangkan dalam kedua-dua teori ini. Model pengajaran al-Qabisi lebih menjurus dalam bidang pengajaran al-Quran. Namun begitu, model ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran ibadat solat kerana menggunakan ayat-ayat al-Quran dalam ibadat solat. Di dalam solat memerlukan pembacaan surah yang wajib iaitu surah al-Fatihah dan juga surah-surah pilihan yang lain.

Terdapat tiga komponen asas dalam model pengajaran Cooper (2006) iaitu perancangan (planning), pelaksanaan (implementing) dan penilaian (assessing). Bagi mencapai objektif pengajaran, guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang rapi dan optimun dalam merancang sesuatu pengajaran. Beliau menyatakan bahawa matlamat utama dalam perancangan pengajaran adalah untuk menentukan objektif murid tercapai. Menurut Cooper (2006) lagi, perancangan boleh dengan memperuntukan masa dan mempertimbangkan isu-isu seperti set induksi, pelan jangka pendek dan panjang, kemenjadian dan kemajuan murid, kaedah, teknik, strategi serta bahan bantu mengajar. Perancangan pengajaran akan membantu menguruskan aliran yang bersesuaian dengan mengikut urutan kandungan pengajaran.

Haiza (2020) juga menjelaskan dalam model pengajaran Cooper, pelaksanaan pengajaran guru perlu mempunyai kemahiran mengajar. Kemahiran mengajar yang menyokong pelaksanaan pengajaran. Ini termasuklah kemahiran membimbing, menjelaskan, mempersoalkan, mendengar, memantau, memberikan maklum balas, dan menunjukkan (demonstrasi) serta menyampaikan segala maklumat dengan jelas, mudah difahami dan berkesan. Selain itu kemahiran tambahan yang perlu ada ialah mengawasi tingkah laku murid, menguatkuasakan peraturan dan tatacara,





menggunakan teknologi pengajaran, bahan bantu mengajar, mengambil berat dan menghormati serta mencipta pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran yang kondusif. GPI juga perlu menguasai kemahiran mengawal kelas dengan baik semasa simulasi solat dijalankan. Apabila keadaan kelas terkawal GPI dapat memastikan murid-murid selamat dan terurus kerana murid-murid MBK bermasalah pembelajaran ini memerlukan pemerhatian dan keprihatinan yang lebih optimun.

Di dalam model Cooper (2006) juga menjelaskan dalam penilaian pengajaran, guru hendaklah membuat penilaian ke atas murid bagi memastikan matlamat dan objektif yang telah ditentukan tercapai atau sebaliknya. Walaubagaimana pun proses penilaian tidak hanya terhad kepada murid malah guru juga perlu membuat penilaian sendiri berdasarkan kepada penelitian dan maklum balas daripada hasil pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya guru perlu mempertimbangkan sama ada berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan ataupun memerlukan kepada penambahbaikan dengan melaksanakan rancangan dan strategi pelaksanaan yang baharu. Maka di sini refleksi sendiri amat penting dan perlu dilakukan bagi membantu mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.

Model Al- Qabisi (1955) juga menjelaskan seorang guru perlu peka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Menurut beliau lagi, guru haruslah memerhati tingkah laku murid secara terperinci iaitu dengan mengawasi tingkah laku mereka. Hal ini kerana dikhuatiri rosak akhlak murid dengan melakukan tingkah laku yang tidak baik ataupun mempunyai sifat-sifat yang nakal. Oleh itu selain mempunyai kemahiran mengajar, guru juga perlu menguasai kemahiran kawalan kelas dengan baik. Apatahlagi tanggungjawab guru terhadap murid berkelainan upaya ini. Selain itu, Al-Qabisi (1955)






juga ada menyarankan pelaksanaan pengajaran secara tunjuk ajar atau dikenali sebagai kaedah demonstrasi. Metode pengajaran demonstrasi ini amat sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran ibadat solat seperti tayammum, wuduk dan sebagainya. Melalui kaedah ini murid akan mudah memahami isi pengajaran dengan lebih berkesan terhadap apa yang disampaikan oleh guru. Murid juga boleh meniru atau mengikuti cara pembacaan dan perlakuan yang lakukan oleh guru semasa pengajaran ibadat solat dijalankan.

Menurut al-Qabisi (1955), proses penilaian adalah antara faktor penting selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya melalui proses penilaian ini guru dapat mengenalpasti, merumus dan membuat penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Dalam konteks pembelajaran al-Quran beliau berpendapat perlunya melaksanakan penilaian pada setiap hari atau setiap minggu. Ianya perlu dilaksanakan pada permulaan pengajaran sehinggalah ke penghabisan pengajaran iaitu disudahi dengan ujian akhir. Selain itu, al-Qabisi juga berpendapat penilaian tidak berakhir dengan menumpukan pada peperiksaan sahaja malah beliau menyatakan pemerhatian tingkah laku juga termasuk dalam amalan penilaian pengajaran.

Secara keseluruhan pengajaran yang berkesan ialah guru dapat membuat keputusan yang bijaksana agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dalam situasi yang harmoni dan kondusif. Malah sebelum pengajaran berlaku, seorang guru perlu berfikir dan membuat keputusan dalam menentukan isi kandungan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan pengajaran, penggunaan teknologi dalam pengajaran, teknik pengajaran, pengurusan kelas dan disiplin, penilaian pembelajaran pelajar dan pelbagai isu lain yang berkaitan (Cooper, 2006). Kerangka teori dibina



berdasarkan amalan pengajaran yang saling berkaitan antara model al-Qabisi (1955) dan Cooper (2006). Kerangka teori ini menunjukkan kesediaan pengajaran guru berdasarkan tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan penilaian pengajaran ibadat solat MBK BP. Kerangka teoritikal kajian ditunjukkan dalam rajah 1.1:




Rajah 1.1. Kerangka teori kajian amalan pengajaran guru berdasarkan model pengajaran Cooper (2006) dan model al-Qabisi (1995)

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual dalam kajian ini memberi gambaran tentang beberapa pemboleh ubah yang digunakan. Pemboleh ubah utama dalam kajian ini adalah pengetahuan, kemahiran dan penilaian GPI. Selain itu faktor demografi guru iaitu jantina, lokasi sekolah, kelayakan akademik tertinggi dan pengalaman mengajar turut dikaji. berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, pengkaji memfokuskan kajian kepada tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran ibadat solat murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Kajian ini telah menggabungkan model

pengajaran Cooper (2006) dan model al-Qabisi (1995) sebagai kerangka konseptual kajian. Kedua-dua model ini digunakan dalam kajian ini kerana ianya sesuai dengan objektif yang telah disarankan.

Daripada kerangka model ini pengkaji membina kerangka konseptual kajian yang bertepatan dengan objektif kajian yang secara umumnya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam amalan pengajaran ibadat solat MBK bermasalah pembelajaran. Kerangka konsep kajian ini juga memberikan petunjuk tentang perancangan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Dalam kerangka konseptual kajian ini pengkaji telah melihat sejauh mana sumbangan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap amalan pengajaran ibadat solat murid dalam kalangan guru pendidikan Islam yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Di mana sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru pendidikan Islam yang sedang mengajar di sekolah-sekolah yang mempunyai PPKIBP di negeri Selangor. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam rajah 1.2



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual kajian Amalan Pengajaran Ibadat Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan guru pendidikan Islam yang sedang mengajar murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di negeri Selangor sahaja. Responden dipilih juga adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Antara kriteria tersebut ialah GPI yang sedang mengajar murid-murid MBKBP yang mempunyai kelulusan dalam bidang Pengajian Islam. Aspek yang difokuskan ialah tahap kesediaan pengetahuan, kemahiran dan penilaian guru pendidikan Islam terhadap pengajaran ibadat solat MBK bermasalah pembelajaran sahaja. Lokasi kajian ialah Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI) di negeri Selangor. Dapatan kajian ini juga merupakan penerokaan pengkaji sendiri. Oleh itu sejauh mana dapatan ini dapat diaplikasikan adalah bergantung kepada cara seseorang guru pendidikan Islam itu membuat generalisasi berdasarkan kebijaksanaan masing-masing kerana murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran ini mempunyai tahap tingkahlaku dan pengetahuan yang pelbagai dan berbeza-beza.

1.10 Kepentingan Kajian

Haikal (2022) solat fardhu merupakan tiang agama dan wajib dilaksanakan. Golongan OKU boleh menunaikan ibadah ini sekadar mengikut kemampuan mereka. Kewajipan ini tidak gugur terhadap mereka yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak menjadi asbab untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu. Tambahan lagi, mereka masih dinilai sebagai seorang mukallaf. Di dalam Islam, terdapat Langkah ataupun kaedah yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW untuk





menunaikan Solat bagi mereka yang tidak mampu atau terdapat keuzuran dan kecacatan. Oleh itu kebanyakan tanggapan ibu bapa dan orang ramai bahawa solat bukanlah perkara yang wajib bagi golongan OKU kerana mereka merupakan golongan istimewa perlulah diambil berat oleh pihak-pihak tertentu terutamanya golongan pendidik. Solat adalah menjadi satu kewajipan terhadap umat Islam. Justeru ia bukanlah menjadi beban, malah ia merupakan tanggungjawab bersama dalam membimbing, mengajar dan menjadikan mereka sentiasa mengambil berat dan ingat tentang solat. Masyarakat perlu ketahui dan memahami bahawa kanak-kanak kelainan upaya juga berkeinginan untuk menggapai cita-cita dan bergerak aktif dalam bidang politik, ekonomi dan sosial (Mohd Sharani: 2004).

Setiap GPI perlu mengetahui keperluan dan kehendak dalam mendidik dan membentuk sahsiah serta keperibadian kanak-kanak ini. Pemilihan pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti, latihan dan juga bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan keupayaan dan kemampuan kanak-kanak ini sangat membantu merangsang minda mereka untuk menjadikannya amalan seharian. Walaupun pada amnya murid-murid ini mengalami masalah lambat dalam semua aspek perkembangan diri, namun demikian, mereka perlu diberi rangsangan yang betul dan tepat, peluang dan ruang untuk menggerakkan potensi diri mereka sendiri. Dengan ini perkembangan secara holistik dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual dapat diseimbangkan.

Penyelidikan ini juga dapat dijadikan garis panduan kepada golongan pendidik untuk diaplikasikan bersesuaian dengan keupayaan MBK bermasalah pembelajaran. Selain daripada itu kajian ini juga diharap dapat membantu GPI dalam menilai murid melakukan ibadat solat dengan sempurna mengikut tahap keupayaan masing-masing, di samping ianya menjadi satu dimensi baru kepada pengajaran guru dan penguasaan





kemahiran MBK bermasalah pembelajaran yang selama ini kurang diberi tumpuan sepertimana murid di aliran perdana. Kepentingan kajian ini juga diharap dapat memberi sumbangan kepada:-

- a). Bidang pengajian pendidikan Islam tentang maklumat-maklumat baharu yang diperolehi.
- b). Memberi maklumat dan rujukan kepada pihak sekolah khususnya kepada guru pendidikan Islam mengenai pengajaran ibadat solat murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran.
- c). Dapat membantu guru-guru dalam mempertingkatkan strategi, kaedah serta teknik yang betul dan berkesan dalam pengajaran ibadah solat murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran.
- d). Dapat membantu guru-guru dalam mempertingkatkan pemilihan penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran.
- d). Diharap dapat memberi sumbangan dalam dunia pendidikan Islam pendidikan khas tentang maklumat-maklumat baharu yang diperolehi dan hasil kajian dapat memberi sumbangan literatur pada masa akan datang.





1.11 Definisi Operasional

Definisi istilah yang dikemukakan adalah untuk menjelaskan beberapa istilah secara spesifik yang berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan di dalam kajian ini supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. istilah-istilah tersebut ialah:

1.11.1 Kesediaan Pengajaran

Munurut Mok Song Sang (2010) kesediaan bermaksud keupayaan seorang guru untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran samada dari segi kesediaan kognitif, psikomotor dan efektif. Dalam kajian ini kesediaan merujuk kepada persiapan seorang GPI untuk mengajar MBK bermasalah pembelajaran dalam ibadat solat lima waktu di dalam kelas pendidikan Islam. Ianya merangkumi aspek-aspek pengetahuan perancangan pengajaran, kemahiran pelaksanaan pengajaran dan sikap penilaian pengajaran.

1.11.2 Guru Pendidikan Islam

Guru ialah orang yang mengajar di institusi pendidikan atau menyediakan bahan pengajaran atau menyemak jawapan yang dikembalikan (Akta Pendidikan 1996). Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) guru merujuk ulama Islam sebagai murabbi, mu'allim, mudarris, mursyid dan muaddib. Ab. Halim et. Al. 2012.





Guru juga merupakan orang yang berilmu, berusaha serta berupaya untuk menyampaikan ilmu kepada orang lain malah berusaha untuk menyampaikan pelbagai jenis maklumat, mata pelajaran dan pengetahuan kepada pelajar melalui latihan, tunjuk ajar atau apa-apa bentuk pengajaran yang serupa (Ab. Halim Tamuri et al. 2004). Pendidikan Islam pula merujuk kepada pendidikan yang berteraskan ajaran Islam dan menekankan bentuk. Dalam kajian ini, GPI merujuk kepada guru Opsyen Pendidikan Islam yang mengajar murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran (MBKBP) di Selangor. Ciri-ciri ini amat sesuai dan bertepatan dengan sikap GPI dalam membimbing dan mendidik MBK bermasalah pembelajaran yang mempunyai kepelbagaian sikap dan tingkahlaku yang pelbagai

1.11.3 Ibadat Solat



Ibadat dari segi bahasa ialah merendah diri, tunduk, patuh dan taat. Menurut Kamus Dewan pula ialah bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bukti kepada atau kerana Tuhan. Manakala dari segi syarak pula ialah taat, tunduk, patuh dan merendah diri kepada Allah SWT yakni pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Menurut Ibn Taimiah: Makna asal ibadah ialah kehinaan iaitu kemuncak kehinaan diri seseorang apabila berhadapan dengan Allah SWT. Solat pula menurut Kamus Dewan (2007: 1514) mentakrifkan sebagai sembahyang dalam agama Islam. Manakala menurut Ensiklopedia Islam (2005: 121) solat adalah suatu yang terdiri atas ucapan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat tertentu. Dalam kajian ini solat yang dimaksudkan adalah merujuk kepada solat fardhu yang wajib dilaksanakan lima waktu





sehari semalam ke atas setiap umat Islam yang berakal dan baligh. Mengerjakan solat dengan sempurna dapat memelihara diri daripada melakukan perkara keji dan mungkar sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud “sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar” (Surah al-Ankabut ayat 45).

1.11.4 Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran

Noor Aini Ahmad (2018) Kanak-kanak bermasalah pembelajaran menunjukkan karakter unik dalam kognitif, akademik serta sosial emosi seperti kebolehan intelek yang rendah, tidak memberikan perhatian, mempunyai masalah untuk membaca serta melakukan aktiviti pembelajaran yang lain. Ketidakupayaan yang dialami boleh dikelaskan mengikut tahap kefungsi kanak-kanak dalam kebolehan masing-masing seperti kebolehan kognitif, tingkah laku sosial atau perkembangan sosial, kebolehan bahasa lisan dan pertuturan, kebolehan membaca, kebolehan perkembangan, dan kebolehan psikomotor (Unit Pendidikan Khas 2012). Golongan profesional kurang upaya yang mengganggu proses pembelajaran akan ditempatkan di PPKI di seluruh Malaysia. Kanak-kanak yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran akan ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) diseluruh Malaysia. Secara amnya mereka dirujuk sebagai individu yang mengalami tahap kecederaan otak yang minimum serta lambat menerima dan menguasai apa yang diajar oleh guru.





1.12 Penutup

Solat merupakan ibadah yang paling utama dan penting berbanding ibadah-ibadah lain kerana melalui solat hamba dapat menumpukan seluruh fikiran, hati dan jiwa dalam pengabdian diri kepada Allah. SWT. Pelaksanaan solat yang sempurna juga dapat membentuk akhlak dan sikap terpuji seseorang. Secara tidak langsung ia juga dapat membentuk jati diri untuk menepis sebarang kemungkaran dan kejahatan. Maka lahirlah generasi yang sentiasa mentaati perintah Allah SWT, jauh dari sebarang larangan, berakhlak mulia, keperibadian tinggi, serta bertanggungjawab terhadap agama, masyarakat, bangsa dan negara yang terkandung dalam matlamat pendidikan Islam itu sendiri. Memandangkan kajian mengenai solat murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran tidak banyak dibincangkan dalam kajian-kajian lepas, pengkaji mengambil peluang untuk mendalaminya kerana ianya dapat memberi impak yang positif dan bermakna untuk GPI yang mengajar MBK bermasalah pembelajaran khususnya.

